

Perceraian bukan alasan untuk mendera anak-anak

SETIAP pasangan yang bermah tangga pasti mengimpikan perkahwinan mereka kekal hingga ke akhir hayat.

Bagaimanapun, disebabkan pasang surut badai rumah tangga, tidak semua yang mampu hadapi dengan baik. Akibatnya ada pasangan yang terpaksa menamatkan ikatan murni itu dengan perceraian.

Baru-baru ini, tular di media sosial menunjukkan seorang kanak-kanak lelaki berada dalam keadaan lemah, tidak bermaya dan khayal. Kanak-kanak itu dipercayai diberikan dadah syabu.

Namun beberapa hari selepas video itu mendapat perhatian netizen, ibu kanak-kanak tersebut dikatakan menyerah diri kepada polis dan memberitahu anaknya tidak diberikan syabu sebaliknya video itu dibuat bertujuan untuk menyakiti hati bekas suaminya.

Sampai begitu sekali tindakan seorang ibu mahu menyakiti hati bekas suaminya. Bagi penulis, sikap tidak bertanggungjawab itu akhirnya memakan dirinya sendiri apabila pada 16 Jun lalu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim memberitahu, tindakan ibu bapa atau penjaga yang mengeksploitasi kanak-kanak bagi tujuan kepentingan diri sendiri seperti mahu membalas dendam boleh menghilangkan hak penjagaan.

Malah menurut Rohani, pihak Kementerian juga boleh menyerahkan hak penjagaan kepada anggota keluarga terdekat. Jika tidak ada yang layak, kanak-kanak itu akan diletakkan di bawah penjagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Perkara ini memang termaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2001, begitu juga jika ibu atau bapa kita lihat tidak berkeupayaan dari segi emosi. Bagaimanapun kita perlu membuat siasatan dan melihat banyak aspek sebelum memutuskan apa-apa," katanya yang mengulas video tular tersebut baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni yang juga Profesor Undang-undang Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Datuk Noor Aziah Mohd. Awal ketika ditanya punca yang mendorong seseorang membalas dendam terhadap bekas pasangan berkata, kebiasuannya pasangan yang sedang dalam proses perceraian atau telah bercerai sering melakukan perkara-perkara tidak munasabah.

Menurut Noor Aziah, ia terjadi kerana mereka menyimpan dendam terhadap pasangan atau bekas pasangannya.

"Ini biasanya berpunca dari perkara yang berlaku semasa mereka berkahwin. Ada disebabkan pasangan atau



Di Sebalik Isu Panas

Bersama NORHAYATI YAHAYA

bekas pasangan menderanya atau menyakiti hatinya dengan kata-kata dan ini menyebabkan ia melepaskan dendam itu melalui anak atau kepada anak.

"Mereka ini terlalu marah dengan apa yang berlaku itu dan hanya berani membalasnya apabila tidak tinggal bersama," katanya ketika dihubungi menerusi e-mel baru-baru ini.

Tambah beliau, sekiranya masyarakat mengetahui ada kanak-kanak yang diperlakukan sedemikian, mereka seharusnya tampil membuat laporan polis dan JKM bagi menyelamatkan kanak-kanak tersebut daripada terus menjadi mangsa eksploitasi.

"Jika ia melibatkan pengambilan dadah atau penderaan emosi atau seksual, tentulah ia memberi kesan buruk kepada kanak-kanak baik dalam jangka pendek mahupun jangka panjang.

"Kanak-kanak akan terdedah kepada emosi yang tidak stabil dan akan terkesan sehingga dewasa dan ada sehingga mereka sendiri berkeluarga. Keadaan itu lebih membimbangkan," ujarnya.

Menjawab pertanyaan bagaimana cara bagi membantu pasangan atau bekas pasangan agar meneruskan kehidupan masing-masing ke arah yang lebih baik, Noor Aziah menasihatkan: "Sebenarnya pasangan yang berkahwin mesti ingat bahawa sebelum mereka berkahwin, mereka mencintai antara satu sama lain.

"Mereka berkahwin atas dasar cinta dan rasa cinta itu mesti dibaja dan diperkukuhkan untuk membina rumah tangga yang 'mawaddah warrahmah'."

"Jika ditakdirkan Allah mereka tidak boleh hidup kekal sebagai suami isteri, mereka perlu berpisah secara damai tanpa perlu bergaduh, berdentam dan

bermusuh," katanya.

Oleh itu katanya, jika cinta mereka tiba-tiba menjadi lesu, tengok anak yang mereka lahirkan dan ingatlah anak itu amanah Allah dan bukan alat atau barang yang boleh direbut-rebut atau dipergunakan untuk kepentingan diri.

"Ibu bapa yang mendapat hak pemeliharaan anak berdosa meracuni fikiran anak untuk membenci ibu atau bapa yang tidak mendapat hak pemeliharaan.

"Walau macam mana bencinya seorang wanita atau lelaki kepada bekas pasangannya, mereka mesti ingat bahawa orang itu adalah ibu atau bapa kepada anak, suatu fakta yang tidak mungkin boleh diubah. Mengeksploitasi anak untuk kepentingan diri bukan sahaja bersalahan dengan undang-undang malah ia juga berdosa," ujarnya.

Apa yang berlaku ini membuatkan penulis teringat pada seorang rakan. Walaupun hak penjagaan anak-anaknya diberikan kepada bekas suami dengan pelbagai syarat seperti nafkah edah dan sebagainya tidak boleh dituntut oleh si isteri, namun sehingga ke hari ini, penulis lihat kedua-dua anaknya masih dijaga dan diuruskan oleh bekas isterinya.

Berdasarkan perbualan dengan rakan tersebut, bekas suaminya hanya memberikan nafkah untuk kedua-dua anak (yang sepatutnya di bawah penjagaan suami) sebanyak RM200 sebulan. Walaupun agak perit untuk bekas isterinya membesarkan anak-anak, namun tidak sekali pun penulis mendengar rungutan daripada bekas isterinya. Semua itu dibuat semata-mata untuk melihat anak tersayang membesar di hadapan mata.

Kesimpulannya, isu eksploitasi kanak-kanak ini penulis lihat boleh diatasi sekiranya kedua-dua pihak iaitu bekas suami dan isteri tahu tanggungjawab masing-masing. Jika semua pihak memainkan peranan mereka, sudah pasti anak-anak yang menjadi mangsa perceraian ini dapat merasai sepenuhnya kasih sayang orang tua mereka walau terpaksa tinggal berasingan.

